





**INSTITUT TANAH DAN UKUR NEGARA
(INSTUN)**

**PROSEDUR SOKONGAN
INSTUN. PS-14**

PENGURUSAN RISIKO

Disediakan oleh:  Tandatangan	Diluluskan oleh:  Tandatangan
Nama: Liyana `Izzati binti Aris	Nama: Haslina binti Tan Sali
Jawatan: Penolong Ketua Bahagain	Jawatan: WAKIL PENGURUSAN
Tarikh: 28 JANUARI 2019	Tarikh: 28 JANUARI 2019

NO. KAWALAN SALINAN

01

NO. KELUARAN:

01

TARIKH: 30 JAN 2019



1. OBJEKTIF

Prosedur ini bertujuan untuk memastikan keberkesanan pengurusan risiko dinilai dengan cekap dan berkesan dan dilaksanakan secara berterusan.

2. SKOP

Prosedur ini digunakan oleh jawatankuasa yang terdiri daripada Wakil Pengurusan Tertinggi Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN) dalam merancang dan menilai keberkesanan pengurusan risiko ke atas Sistem Pengurusan Kualiti INSTUN.

3. RUJUKAN

3.1 Manual Kualiti

Klausa 4.4.1	-	Sistem Pengurusan Kualiti dan Prosesnya
Klausa 5.1	-	Kepimpinan dan Komitmen
Klausa 6.1	-	Tindakan untuk Menangani Risiko dan Peluang
Klausa 9.1.3	-	Analisis dan Penilaian
Klausa 9.3.2	-	Input Kajian Semula Pengurusan
Klausa 10.2.1	-	Ketidakakuran dan Tindakan Pembetulan

4. DEFINISI

4.1 Jawatankuasa

Jawatankuasa diwujudkan bagi menyediakan dan menyemak keberkesanan pengurusan risiko secara menyeluruh di INSTUN. Keanggotaan jawatankuasa adalah dipengerusikan oleh Pengarah INSTUN. Setiausaha adalah Wakil Pengurusan dan ahli-ahlinya terdiri daripada semua Ketua Bahagian, Pendaftar dan lain-lain pegawai yang berkaitan.



4.2 Pelan Penilaian Risiko

Usaha mengenal pasti risiko melalui pendekatan makro iaitu dengan mengambil kira fungsi dan perkhidmatan INSTUN secara menyeluruh iaitu isu dalaman dan isu luaran yang berlaku di peringkat Jabatan dibincangkan secara bersama antara ahli-ahli jawatankuasa. Medium perbincangan Pelan Penilaian Risiko adalah melalui salah satu agenda dalam Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP) dengan tindakan susulan/penambahbaikan yang telah dipersetujui agar keupayaan sistem pengurusan kualiti INSTUN sentiasa berkesan dan sesuai dilaksanakan.

5. SINGKATAN

INSTUN	:	Institut Tanah dan Ukur Negara
j/k	:	jawatankuasa
P	:	Pengarah
WP	:	Wakil Pengurusan
KB	:	Ketua Bahagian
PF	:	Pendaftar
MKSP	:	Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan



6. TANGGUNGJAWAB DAN TINDAKAN

Tanggungjawab	Tindakan
	A. PELAN PENILAIAN RISIKO
P/WP dan j/k	1. Bagi menilai keberkesanan pengurusan risiko, jawatankuasa yang terdiri daripada pengurusan atasan melaksanakan perbincangan Pelan Penilaian Risiko atas sebab kepentingan proses. Perbincangan dilaksanakan melalui MKSP bagi memastikan risiko dan peluang ditentukan dan ditangani.
WP	2. Merancang dan memantau persediaan pelaporan isu-isu dalaman dan luaran Jabatan secara menyeluruh yang telah dikenal pasti di dalam Pelan Penilaian Risiko seperti di Lampiran 1 .
Urus setia	3. Membuat persediaan pelaporan Pelan Penilaian Risiko seperti yang diarahkan oleh WP untuk dibentangkan dalam MKSP yang akan diadakan sekurang-kurangnya satu (1) kali setahun .
j/k	4. Menasihati dan berbincang mengenai langkah-langkah penentuan risiko dan peluang, merancang tindakan yang perlu diambil dan menilai keberkesanan pengurusan risiko ke atas Sistem Pengurusan Kualiti INSTUN.
j/k dan KB	5. Melaksanakan tindakan (jika tidak berkesan) dan memantau pelaksanaan tindakan (sekiranya ada) seperti di dalam keputusan mesyuarat.
Urus setia	6. Menyediakan dan mengemaskini pelaporan Pelan Penilaian Risiko seperti yang diarahkan oleh WP mengenai tindakan yang telah diambil untuk dibentangkan dalam mesyuarat akan datang.

7. SENARAI LAMPIRAN

Lampiran 1: Isu Dalaman dan Isu Luaran di Peringkat Jabatan

LAMPIRAN 1

Isu Dalam dan Isu Luaran di Peringkat Jabatan

INSTUN telah menyenaraikan beberapa Isu Dalam dan Isu Luaran dengan merujuk kepada Pelan Strategik INSTUN 2018 – 2020. Antara isu – isu yang telah dikenalpasti adalah seperti jadual di bawah:-

BIL.	ISU DALAMAN
1.	Kekangan penggunaan tenaga manusia secara optimum.
2.	Pengisian modul kursus yang tidak mencapai piawaian pelanggan.
3.	Pengawalan infrastruktur yang tidak kondusif.
BIL.	ISU LUARAN
4.	Perbelanjaan peruntukan bajet mengurus bagi tujuan pengendalian pengurusan latihan <ul style="list-style-type: none">- Fasiliti / kemudahan- Penyelenggaraan alat/kampus- Keselamatan
5.	Pengurangan peserta atas sebab dasar – Dasar terkini perkhidmatan awam.
6.	Penganjuran program antarabangsa bergantung kepada peruntukan kewangan daripada sumber luar.